

Usim tawar pengkongsian maklumat fatwa

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (Usim) menerusi Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (Infad) sedia berkongsi maklumat pengurusan dan penyelidikan fatwa dengan jabatan mufti negeri menerusi kemudahan perisian komputer khusus Fatwa Management System.

Menerusi perkongsian maklumat itu, Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Abdul Shukor Husin, berkata segala hasil penyelidikan boleh dirujuk secara terperinci dan satu keputusan jitu diperolehi berdasarkan keperluan masyarakat Islam sejagat.

Dalam kenyataan di Kuala Lumpur, katanya, Infad mempunyai hak cipta eksklusif ke atas perisian berkenaan dan berhak mengumpul fatwa daripada hasil penyelidikan alim ulama yang sudah dipersetujui sebulat surat untuk dimanfaatkan bersama.

Baru-baru ini, Infad memeterai perjanjian persefahaman dengan empat jabatan mufti Perak, Pulau Pinang, Terengganu dan Kelantan.

Menerusi kerjasama itu, beliau berkata, Infad bersetuju mewujudkan kerjasama erat menerusi perbincangan dari semasa ke semasa dengan jabatan mufti negeri mengurus dan menyelidik fakta untuk dimanfaatkan bersama.

"Kerjasama ini secara tidak langsung memartabatkan institusi fatwa di negara ini supaya sentiasa ke depan dan peka mengenai masalah masyarakat Islam dalam serta luar negara" katanya.

Jalinan kerjasama yang akan diadakan itu kata Abdul Shukor merangkumi beberapa elemen dan ia bertepatan dengan hasrat kedua-dua pihak.

Beliau berkata, usaha sama itu bukan hanya pengurusan maklumat fatwa semata-mata malah ia lebih menjurus antaranya kepada penyelidikan, khidmat kepakaran dan penerbitan.